

PILIHAN RAYA DUN SARAWAK 2001: SATU ANALISIS EKONOMI POLITIK

WAN ABDUL RAHMAN WAN ABDUL LATIF
dan
MOHD FUAD MAT JALI

Pengenalan

Pada kebiasaannya disiplin ekonomi politik mengemukakan pendekatan yang lebih bersifat sepadu dan sekaligus holistik. Ini juga bermakna aspek politik misalnya mempunyai dimensi ekonomi dan sosial yang tersendiri dan begitulah sebaliknya. Aspek hubungan timbal balik di antara faktor-faktor politik, ekonomi dan sosial inilah yang menjadi asas teoritis kepada perbincangan dalam kertas kerja ini.

Ahli ekonomi neoklasik seperti Keynes melihat peranan pemerintah/kerajaan (*state*) melalui aparat politik dan pentadbiran memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi. Dalam kes Sarawak, sebahagian besar kalau pun tidak semua, aparat politik (seperti parti politik yang mendukung Barisan Nasional) telah dimobilisasi semaksimum mungkin bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional. Peranan pemerintah yang *monolithic* ini yang dikenali juga sebagai fenomena *statism* menyebabkan garis pemisah di antara pemerintah dan parti menjadi amat kabur dan biasanya disinonimkan. Betapa dominannya perspektif ini ia semacam telah diinstitusikan dalam masyarakat sehingga pengundi telah terikat dengan pandangan bahawa aspek-aspek yang berkaitan dengan pembangunan dikaitkan dengan simbol 'dacing'; dan lebih jauh lagi simbol-simbol lain dilihat sebagai tidak mampu membawa pembangunan. Ketidakupayaan parti pembangkang untuk menyalurkan sumber/barangan telah dijadikan modal pilihanraya yang amat berkesan. Dari perspektif factor 3M (*Machine, Money and Media*) yang biasa dikaitkan dengan pilihan raya, pembangkang tertinggal jauh di belakang. Ketidakupayaan menguasai faktor 3M menyebabkan pembangkang kurang berkesan dalam mengatasi masalah komunikasi atau logistik, satu aspek yang penting dalam konteks Sarawak.

Politik pembangunan juga memperlihatkan betapa elit politik di kalangan parti pemerintah turut mendukung sistem kapitalisme yang lebih memihak kepada kuasa pengumpulan. Elit-elit politik ini seterusnya berperanan sebagai penaung kepada parti politik yang seterusnya mengagihkan kekayaan yang terkumpul kepada pengikut dan juga pengundi. Sistem pengagihan yang bersifat segera dan *ad hoc* ini berfungsi dengan secara terbuka terutamanya semasa pilihan raya.

Sungguhpun manifestasi politik pembangunan begitu dominan, dalam hal-hal yang lebih spesifik seperti persoalan survival politik etnik, ekstrimisme agama, semangat anti-Semenanjung adalah isu-isu sampingan yang digarap secara berkesan oleh BN. Isu-isu yang lebih spesifik ini sebenarnya digunakan secara tidak langsung bagi memperkukuhkan asas politik etnik, yang bersifat lebih kompleks berbanding politik etnik di Semenanjung, sungguhpun isu-isu yang bersifat sosio-budaya seperti semangat Dayakisme tidak lagi diperjuangkan oleh parti-parti politik yang berteraskan etnik.

Pemilihan Pengundi: Perspektif Teoritis


Biasanya kajian mengenai pemilihan pengundi dalam satu-satu pilihan raya merujuk kepada teori identifikasi parti. Ini bermakna pengundi, hasil dari sosialisasi politik, mengidentifikasikan diri mereka dengan satu-satu parti politik yang tertentu dan mereka secara konsisten mengundi parti berkenaan tanpa dipengaruhi oleh faktor calon atau isu (Ghazali Mayudin 1999). Pengkaji seperti Frey (1978), walau bagaimanapun cuba mengaitkan persoalan pemilihan pengundi dengan faktor ekonomi.

Salah satu kesimpulan umum yang dibuat oleh Frey dalam melihat pilihan raya dan hubungannya dengan pembangunan ekonomi ialah sesebuah negara akan mengadakan dasar-dasar ekonomi yang bersifat *expansionary* bukanlah bagi tujuan pembangunan ekonomi *per se* tetapi ia bertujuan bagi memenangi pilihan raya yang akan diadakan. Gagasan umum Frey ini diperincikan dalam model yang dilabelnya sebagai model ekonomi-politik yang lebih sempurna atau total (Frey 1978, 144). Pada pandangan Frey, model ekonomi politik yang lebih sempurna yang beliau bina adalah lebih baik dari model-model sebelumnya yang cuba melihat hubungkait di antara pemilihan pengundi dan aspek ekonomi. Salah satu model yang dimaksudkan ialah model persaingan parti (sila lihat Rajah 1 di bawah).

Berdasarkan model persaingan parti, parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pilihan pengundi. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam Rajah 1 di bawah, peranan parti adalah mengemukakan program kepada pengundi, biasanya

semasa pilihan raya melalui manifesto masing-masing. Melalui program yang dikemukakan oleh parti inilah yang akan mempengaruhi pengundi sama ada akan memilih parti A atau parti B. Model yang agak *simplistic* ini tidak mengambil kira pengaruh sistem politik secara umum dan kesannya ke atas perjalanan parti-parti politik walhal parti-parti politik adalah dari satu segi manifestasi dari sistem politik yang lebih besar (Lawson 1980). Frey (1978) mengemukakan tiga kritikan terhadap model persaingan parti. Pertama, model ini tidak memperjelaskan hubungan antara faktor ekonomi dan politik. Kedua, pengundi seolah-olah mengandaikan bahawa program yang dikemukakan oleh parti politik adalah program yang baik. Ketiga, model ini sendiri bukanlah satu model yang dinamik. Bagi mengatasi kelemahan yang terdapat pada model persaingan politik Frey telah mengemukakan model ekonomi politik yang dianggapnya sebagai hampir sempurna (lihat Rajah 2)

Rajah 1: Model Persaingan Parti



Sumber: dari Frey 1978:125.


Model kedua yang diritik oleh Frey ialah model ekonomi-politik yang pada pandangan Frey hampir sempurna (Sila lihat Rajah.2 di bawah). Model ini mengandaikan bahawa sistem politik terdiri dari dua komponen penting iaitu kerajaan yang memerintah dan pembangkang. Hasil dari perancangan pihak kerajaan dan kritikan pihak pembangkang sistem politik telah melahirkan instrumen dasar-dasar ekonomi yang dengannya mempengaruhi rupa bentuk ekonomi nasional secara umum. Keadaan ekonomi inilah yang menentukan sokongan pengundi sama ada kepada kerajaan atau pembangkang. Frey mengemukakan beberapa ciri penting model ini antaranya: ia menekankan perhubungan timbal-balik antara faktor

ekonomi dan politik; persaingan parti tidak begitu penting; kerajaan berada di tengah-tengah pelaksanaan politik; dan kerajaan yang memerintah senantiasa berwaspada daripada ditumbangkan oleh pembangkang.

Akhirnya Frey membina apa yang beliau kenali sebagai model ekonomi-politik yang sempurna atau total (Sila lihat Rajah.3 di bawah). Model ini mempunyai ciri-ciri berikut. Pertama, seperti yang dirujuk sebelum ini, kerajaan yang mengemukakan dasar-dasar ekonomi yang bersifat *expansionary* adalah secara khususnya digerakkan oleh prospek yang ia dipilih semula dalam pilihan raya. Kedua, kerajaan akan mempromosikan fungsi ideologinya apabila ia berkeyakinan untuk memenangi pilihan raya yang akan diadakan. Ketiga, kerajaan yang dikawal oleh penyokong berhaluan kanan berkecenderungan untuk mengurangkan perbelanjaan awam dan begitulah sebaliknya sekiranya kerajaan didominasi oleh kumpulan yang berhaluan kiri; dan akhirnya, atas dasar perkhidmatan awam bersifat berkecuali ia berfungsi sebagai hambatan kepada kerajaan.


Perspektif teoritis yang dikemukakan oleh Frey yang coba menghubungkan fenomena pemilihan pengundi dengan persoalan ekonomi politik yang lebih luas akan dijadikan kerangka rujukan dalam perbincangan seterusnya. Perlu disedari bahawa perspektif teoritis yang dikemukakan oleh Frey adalah didasarkan kepada kajian kes dari negara maju seperti United Kingdom dan Eropah dan ia mempunyai keterbatasan yang tersendiri apabila diaplikasikan bagi memahami pilihan raya Sarawak dari sudut ekonomi politik. Walau bagaimanapun, beberapa generalisasi yang dikemukakan oleh Frey boleh dianggap sebagai relevan dalam usaha kita memahami dan menganalisis pilihan raya Sarawak.

Rajah 2: Model Ekonomi Politik



Sumber: dari Frey 1978:126

Rajah 3: Model Ekonomi Politik Total



Sumber: Frey 1978: 144.

Status pembangunan

Negeri Sarawak yang mempunyai keluasan 124,449 kilometer persegi dan mempunyai penduduk berjumlah 1.9 juta orang (1997) yang terdiri dari 27 kumpulan etnik. Bumiputera merupakan kaum majoriti (15.8 peratus) diikuti oleh kaum Melanau (12.1 peratus), Iban (6.5 peratus), Cina (5.8 peratus), Melayu (5.0 peratus), Bidayuh (1.8 peratus) dan selebihnya ialah bumiputera lain.. Kadar kelahiran 25.3 peratus dan kadar pertumbuhan penduduk ialah 1.8 peratus. Sarawak masih tergelung dalam salah sebuah negeri kurang maju dan tahap pembandarannya ialah 43.4 peratus. Walau bagaimanapun kadar kemiskinan telah menurun kepada 23 peratus pada tahun 2000 dan antara negeri yang paling pantas berkembang dari segi pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Pendapatan minima setiap keluarga juga meningkat dari RM250.00 (1981) ke RM500.00 pada tahun 2000. Sebahagian besar penduduk Sarawak bekerja dalam sektor pertanian, ternakan dan perhutanan, nelayan (34.1 peratus), 27.5 peratus pekerja di dalam sektor pengeluaran dan 18.3 peratus dalam sektor penjualan dan perkhidmatan.(Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak, 2001). Eksport utama Sarawak ialah cecair LNG (36.7 peratus), petroleum mentah (23.8 peratus), balak gergaji dan kayu gergaji (10.5 peratus), papan lapis biasa (7.8 peratus), keluaran petroleum (3.1 peratus) dan lain-lain (18.1 peratus).

Politik Pembangunan pra-pilihan raya

Partisipasi rakyat dalam politik banyak dipengaruhi oleh faktor pembangunan sosioekonomi dan fizikal yang dijalankan oleh kerajaan. Kebiasaannya mereka akan menilai polisi pembangunan yang memberi kesan kepada kehidupan mereka dan persekitaran. Prestasi pembangunan yang dijalankan akan menjadi penilai kepada pilihan politik mereka atau penentuan kepopularan parti yang memerintah. Bagi negeri Sarawak yang masih ditahap mundur, pembangunan fizikal dan manusia menjadi agenda utama dalam minda setiap pengundi. Mereka bersikap sebagai pengguna yang memikirkan faedah yang boleh ditukarkan dengan undi mereka. Ini bermakna mereka akan memikirkan samada parti yang dipilih dapat memenuhi hasrat membangunkan lanskap fizikal dan mempertingkatkan status sosiobudaya dan ekonomi mereka (seperti peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, pendidikan, inflasi dan budaya bangsa: lihat semula Model Ekonomi Politik Total. Frey 1978). Berdasarkan latar belakang sosiobudaya dan sosiopolitik yang sedemikian sudah semestinya setiap parti yang bertanding akan mengutamakan aspek pembangunan sebagai 'umpan' berkempen atau agenda utama dalam manifesto.

Sebagai parti yang memerintah, BN telah melancar dan menjanjikan pelbagai polisi dan projek pembangunan kepada rakyat semasa berkempen. Isu pendidikan, kemiskinan, pekerjaan, perindustrian, infrastruktur, komunikasi dan budaya telah menjadi agenda utama yang akan terus ditangani oleh BN sekiranya dipilih semula menerajui negeri Sarawak. Seminggu sebelum pilihan raya, Pengerusi BN Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud telah melancarkan dana pendidikan berjumlah RM100 juta bertujuan untuk melahirkan penduduk Sarawak yang berilmu dan bermaklumat khususnya dalam ICT. Ilmu pengetahuan dan maklumat khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi menjadi penting kepada penduduk untuk menceburi bidang pekerjaan dan bersaing di peringkat global selaras dengan hasrat mempergiatkan pelaksanaan masyarakat dan kerajaan elektronik. Bagi menuhi hasrat ini kerajaan akan membekalkan komputer dan peralatan yang berkaitan ke sekolah untuk pendedahkan awal kepada ICT dikalangan pelajar sekolah. Jurang digital antara penduduk bandar dengan luar bandar akan dikurangkan melalui program koprat dan institusi pengajian tinggi.

Kerajaan juga akan mempergiatkan industri makanan berorientasikan eksport dan menjadikan produk sawah industri makanan terbesar. Hasrat ini akan dilaksanakan melalui peningkatan penggunaan teknologi makanan, pembungkusan, pasaran dan penyelidikan. Penanam

padi turut mendapat tambahan subsidi seperti baja, racun serangga dan pemasaran hasil melalui Kementerian Pertanian. Bantuan kebajikan RM80 juta melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah disalurkan kepada penduduk Sarawak. Bantuan bulanan untuk orang tua sebanyak RM100.00 dinaikan ke RM200.00 dan mereka yang mempunyai anak melebihi empat orang dinaikan dari RM250.00 ke 500.00. Peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan untuk membantu promosi industri pelancongan dalam dan luar negara.

Polisi pembangunan perumahan dipermudahkan untuk memastikan golongan miskin mampu memiliki rumah. Mereka tidak perlu membayar wang pendahuluan sebanyak 10 peratus tetapi dikehendaki hanya membayar RM500 sahaja. Bagi mereka yang mahu menyewa pangsapuri, sewa yang dikenakan hanya antara RM100 – 120 sebulan. Permit teksi ditambah untuk menggalakan lebih ramai kaum Bumiputera menceburi sektor perkhidmatan bandar. Pembangunan infrastruktur seperti membina dan menaiktaraf jalan pesisir dan utama, jambatan, bekalan air, bekalan tenaga, pengangkutan dan komunikasi akan dipertingkatkan dan diperluaskan. Kerajaan telah menerima hampir RM2 billion untuk kemudahan infrastuktur di Sarawak.

Pelbagai pembangunan yang dijalankan dan dijanjikan oleh penyandang semasa berkempen (pra pilihan raya) telah memikat hati rakyat untuk mengekalkan parti yang memerintah berbanding dengan parti pembangkang yang belum ada pembangunan yang dijalankan. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan terhadap 200 pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tupong dan Samariang mendapati 78.5 peratus menyatakan mereka amat menyukai parti BN dan pembangunan yang dilakukan amat baik untuk rakyat. Oleh kerana prestasi pemerintahan dan polisi pembangunannya baik maka 73.9 peratus pengundi yang ditemui menyatakan akan mengundi parti Barisan Nasional sekali lagi untuk menerajui Sarawak. Bagi mereka hanya BN sahaja yang mampu membangunkan negeri Sarawak dan membela nasib rakyat. Ini bermakna isu pembangunan setempat mendominasi pilihan politik pengundi di Sarawak berbanding dengan isu nasional.

Pilihan raya dan Politik Pembangunan: Antara Mentimun dan Durian

Sudah menjadi rahsia umum bahawa bagi BN pembangunan adalah dianggap sebagai milik mutlaknya dan memilih pembangkang bermakna menolak pembangunan. Atas pertimbangan keluasan fizikal sahaja Sarawak amat memerlukan 'politik pembangunan' dan dari satu segi

pertimbangan politik pembangunan melangkaui politik etnik itu sendiri. Dari sudut perkiraan politik, 'politik pembangunan' memiliki dwi-wajah. Pembangunan tajaan kerajaan yang berjalan secara berterusan dan baik akan dijadikan modal politik agar rakyat terus memberi sokongan agar pembangunan tidak terbantut. Sekiranya proses pembangunan agak perlahan dan terbantut, ini juga boleh dijadikan modal politik oleh kerajaan agar rakyat terus menyokong mereka bagi membolehkan kerajaan yang memerintah meneruskan dan membereskan projek yang terbengkalai. Dari sudut ini, hujah seterusnya ialah atas pertimbangan kerajaan mempunyai pengalaman yang lama dalam hal-hal pembangunan, maka kerajaan mempunyai kepakaran untuk memperbetulkan projek-projek yang terbengkalai.¹ Mungkin selari dengan pandangan ini jugalah Kris Jitab dan James Ritchie (1991, 143) yang mengkaji peranan Taib Mahmud yang mereka sinonimkan dengan 'politik pembangunan' mengungkap kata-kata berikut:

Much progress has been achieved in Sarawak.....Although this is evident, there is still a lot of room for improvement. The State is, in fact, still lagging behind in many areas of development. It has a total of less than 4,000 kilometers of roads to serve an area of 124,449 sq km.....In 1985, piped water and electricity were available to only 44 per cent of occupied households. In 1987, the State still faced shortages of 2,537 classrooms, especially at the secondary level. Literacy rate is still unimpressive; it is considerably lower than the national average.

Memahami hakikat betapa mendalamnya 'politik pembangunan' dalam pemikiran pengundi parti KeADILan yang berperanan sebagai ketua kepada gabungan parti pembangkang, memperuntukkan satu agenda khas mengenai isu ini.² Selari dengan nada ahli ekonomi politik radikal, pihak KeADILan menyuarakan pandangan berikut:

"Pembangunan di mana-mana. Tapi untuk siapa????? Tapi milik siapa????? Hak rakyat dirampas menjadi harta mereka. Harta mereka, hanya untuk mereka, keluarga mereka, sanak saudara mereka dan sahabat handai mereka sahaja. Akhirnya rakyat akan mengemis di tanah air sendiri. Akhirnya rakyat menjadi setingan di tanah sendiri. Tanah yang menjadi warisan nenek moyang. Patutkah semua ini di rampas hanya kerana memenuhi nafsu sebilangan mereka yang berlindung di sebalik POLITIK PEMBANGUNAN?" (Risalah Edaran, 'Penyokong KeADILan', tanpa tarikh, 3).

Politik pembangunan yang lebih bersifat negatif dikritik oleh KeADILan dari perspektif yang umum yang dikaitkan dengan amalan kronisme dan nepotisme. Kritikan yang bersifat umum besar kemungkinan tidak mempunyai kesan yang mendalam yang boleh merubah pemikiran pengundi. Sekiranya pihak KeADILan menyenarai secara terperinci amalan-amalan nepotisme dan kronisme di kalangan pimpinan negeri Sarawak dengan bukti dan dokumen yang sah, mungkin ia memberi kesan yang berbeza.³ Ini mungkin sejajar dengan isu awal pilihan raya yang dikatakan tertumpu kepada salah laku Ketua Menteri yang didakwa telah menyalahgunakan kekayaan negeri bagi tujuan peribadi.

Kritikan seperti “Mengikuti Ketua Menteri Sarawak, tidak ada rakyat yang miskin di Sarawak....tapi terlalu ramai rakyat yang akan menjadi setingan di Sarawak “ sepatutnya boleh dibuktikan secara mudah berdasarkan statistik yang sedia ada.⁴ Ada juga kritikan khusus yang dikemukakan oleh KeADILan yang boleh dilihat sebagai percubaan untuk membangkit sentimen keagamaan (Islam) di kalangan pengundi dengan merujuk kepada aspek yang kurang kukuh dari segi bukti di mana dikatakan bahawa BN telah meluluskan cadangan untuk membina sebuah loji takungan najis di Samariang, di Jalan Sultan Tengah, yang berhampiran dengan tanah perkuburan orang Islam. Hambatan tenaga kerja dan kewangan menjadikan parti pembangkang seperti KeADILan begitu lemah apabila berdepan dengan BN yang memiliki segala kekuatan. Ini secara jelas dapat dilihat dari kesimpulan yang dibuat oleh Parti KeADILan dalam post-mortemnya yang menyebut “....kegagalan Parti KeADILan dalam pilihan raya Negeri Sarawak yang ke-8 berpunca daripada fenomena pertembungan di antara *durian* dan *mentimun* dan selaku mentimun kita terpaksa kalah”.

Rujukan kepada kerajaan BN Sarawak sebagai ‘durian’ adalah menarik dan amat tepat. Durian mempunyai duri yang menyakitkan dan isi yang enak di makan. Pemerintah BN yang bersifat *monolithic* menggunakan kedua-dua pendekatan ‘duri’ dan ‘isi’ terutamanya dalam pilihan raya. Ugutan dan sogokan berbentuk wang ringgit di katakan agak berleluasa.⁵ Dari segi ugutan yang berbentuk tekanan (*coercive*) secara tidak langsung ialah penggunaan Rumpun Silat Sarawak (RSS) adalah sesuatu yang menarik dan baru diperkenalkan. Rumpun Silat Sarawak didakwa digunakan bagi tujuan menggempur para pengundi supaya memihak kepada BN. Pada pengamatan penulis sendiri peranan dan kehadiran mereka agak ketara sepanjang masa berkempen terutama sekali pada hari penamaan calon dan pada hari mengundi.⁶ Kehadiran RSS, di peringkat yang paling minimum, merupakan satu tekanan psikologi kepada pengundi terutama yang bercadang untuk mengundi pembangkang.

Pilihan raya bukan sahaja melibatkan perancangan strategi dan bagaimana strategi itu dijalankan terutamanya semasa kempen pilihan raya, ia juga melibatkan agihan sumber kepada para pekerja parti. Agihan sumber ini biasanya dilaksanakan secara longgar tanpa mengikut satu sistem audit dan ketelusan yang ketat. Pembelian undi dengan menggunakan wang ringgit adalah satu bentuk pengagihan sumber yang biasa berlaku dalam pilihan raya.⁷ Pengagihan sumber dalam bentuk pembelian undi agak susah untuk dibuktikan secara hitam putih dan penerima biasanya tidak akan melaporkannya kepada pihak berwajib seperti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) atau Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Banyak atau sedikit wang yang digunakan untuk tujuan pembelian undi mungkin dapat disimpulkan dari sebanyak mana wang yang diperuntukkan bagi kerja-kerja pilihan raya. Berdasarkan BN adalah satu gabungan parti yang memerintah tentulah mendapat peluang-peluang ekonomi yang lebih banyak dan sekaligus memperkukuhkan kedudukan kewangannya. Begitulah pula sebaliknya bagi pihak parti-parti pembangkang. Berdasarkan hakikat ini dapatlah difahami bahawa parti politik pembangkang seperti Parti KeADILan memperuntukkan sekitar RM10,000 hingga RM25,000 bagi setiap DUN berbanding BN yang didakwa memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi setiap DUN.⁸ Atas keterbatasan sumber jugalah parti pembangkang seperti Parti KeADILan akhirnya terjebak dengan satu isu politik yang parah yang dieksploitasi sepenuhnya oleh pihak BN: kewangan yang terhad telah memaksa KeADILan hanya meletakkan 25 calon bagi merebut 62 kerusi DUN kesemuanya.⁹ Pihak BN telah mengeksploitasi semaksimum mungkin hujah yang berdiri di atas perkiraan yang logik iaitu adalah tidak mungkin bagi KeADILan untuk memerintah Sarawak kerana kalau pun KeADILan memenangi kesemua 25 kerusi yang dipertandingkan, ia masih lagi tidak memiliki kuasa majoriti mudah dan jauh sekali kuasa majoriti dua pertiga. Hakikat ini telah digunakan oleh BN untuk memulangkan paku buah kerasnya, melalui pendekatan *offensive*, terhadap KeADILan yang bercita-cita untuk merubah secara radikal sistem pemerintahan dan politik negeri dengan “ mewujudkan sebuah kerajaan negeri yang bersih, adil dan saksama serta menjauhi amalan rasuah, salahguna kuasa, kronisme dan nepotisme “ (Manifesto Parti KeADILan).

Kekukuhan kewangan BN lahir dari hakikat bahawa dalam kes Sarawak secara khusus dan Malaysia secara amnya parti politik yang memerintah biasanya disinonimkan dengan kerajaan yang berkuasa. Projek-projek pembangunan negara dikaitkan secara langsung dengan projek-projek BN. Kuasa pemerintah yang *monolithic* ini, dalam kes Sarawak diperkukuhkan lagi dengan sifat *insularity* negeri Sarawak itu

sendiri, hasil dari faktor geografi, yang melahirkan budaya politik yang berbeza dengan Semenanjung.¹⁰ Faktor *insularity* yang memperkukuhkan pemerintah (*state*) ke arah yang lebih bersifat *monolithic* dapat difahami dari pandangan Taib Mahmud sendiri apabila beliau berkata (sebagaimana yang dikutip oleh Kris Jitab dan James Ritchie, 1991, 138-139),

“Generally, the people of Sarawak do not understand the differences between the Federal Government and State Government, nor who belongs to which category. To them, there is only one government. To me this perception of *one government*, as is held by the people of Sarawak, is a strong basis for us to integrate *our people's idea of one nation*.”

Pemerintah yang bersifat *insular* dan *monolithic* di lihat sebagai salah satu sebab kenapa parti-parti politik yang mempunyai kaitan dengan Semenanjung akan disisih oleh pengundi sungguhpun parti berkenaan di tubuh oleh ahli politik tempatan. Ini yang berlaku kepada parti bebas tajaan Abang Abu Bakar. Abang Abu Bakar dilihat sebagai berusaha untuk membawa masuk UMNO ke Sarawak bagi tujuan membentengi kepentingan kaum Melayu yang dikatakan terhakis hasil dari peningkatan kepentingan kaum Melanau.¹¹ Semangat anti-Semenanjung juga dilihat oleh parti pembangkang seperti KeADILan sebagai salah satu faktor yang memenangkan BN. Penyertaan proaktif petugas-petugas KeADILan dari Semenanjung misalnya, telah dijadikan isu oleh PBB. Petugas-petugas KeADILan dikatakan telah mengganggu urusan pilihan raya negeri. Selain dari itu, parti KeADILan juga dicap sebagai parti Semenanjung yang berhasrat untuk menjajah Sarawak (KeADILan, Post Mortem, 12.3).

Keterbatasan sumber yang dimiliki pembangkang tidak menghalang mereka dari berpartisipasi dan bersaing secara aktif dalam pilihan raya, sungguhpun *rules of the game* dan padang permainan tidak serata dan lebih memihak kepada BN. Perang poster, kegigihan kempen dan ceramah adalah manifestasi dari hakikat wujudnya satu suasa persaingan yang aktif dan kadangkala sengit di antara parti pembangkang dan pemerintah semasa pilihan raya. Dari sudut ini, pilihanraya biasanya digunakan oleh pemerintah untuk memperdalam hasrat rakyat atau haluan tuntutan awam. Fenomena ini diperakui oleh pengkaji terkenal politik Malaysia seperti Harold Crouch (1996, 135) apabila berpandangan,

“For the ruling coalition elections have provided a convenient and *economic* means of retaining power.the holding of elections means that the government must make sure that the crucial voters do in fact vote for the government, which means, in turn, that it must respond in a significant way to the interests and sentiments of those voters.”

Kewujudan suasana persaingan parti yang sengit semasa pilihan raya nampaknya bercanggah dengan pandangan Frey yang di rujuk sebelum ini. Dalam model ekonomi-politik yang hampir sempurna Frey mengatakan bahawa ia dicirikan oleh antara lainnya, *persaingan parti tidak begitu penting*. Ciri-ciri lain yang dikemukakan oleh Frey, walau bagaimanapun, nampaknya membenarkan apa yang berlaku dalam pilhan raya DUN Sarawak. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah pemerintah berada di tengah-tengah pelakuan politik dan pemerintah juga sentiasa berwaspada daripada ditumbangkan oleh pembangkang. Model ekonomi politik yang hampir sempurna yang dikemukakan oleh Frey (sila rujuk Rajah 2 sebelum ini) nampaknya menepati sebahagian besar dari ciri-ciri pilihan raya di negara membangun seperti Sarawak. Secara bandingannya, ciri-ciri yang terdapat pada model ekonomi politik total yang dikemukakan oleh Frey (sila lihat Rajah 3 sebelum ini) seperti peranan perkhidmatan awam yang berfungsi sebagai hambatan kepada kerajaan yang memerintah tidak relevan dalam konteks negara membangun seperti Malaysia. Sebagaimana yang dikritikkan oleh Parti KeADILan, dalam pilihan raya pihak pembangkang terpaksa berdepan parti-parti politik dalam BN tetapi juga dengan seluruh jentera kerajaan.

Ekonomi-politik Pilihan raya: Implikasi Teoritis

Persoalan asas yang biasa dikemukakan oleh ahli ekonomi ialah persoalan yang berkaitan dengan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Ketiga-tiga faktor asas ini dimanifestasikan secara baik dalam proses pilihan raya itu sendiri. Dalam kes Sarawak yang pemerintahnya adalah bersifat *insular* dan *monolithic* faktor pengeluaran dan pengagihan dimiliki oleh pemerintah sendiri. Projek-projek pembangunan persekutuan disinonimkan dengan projek BN dan ini termasuk dalam daerah pengeluaran. Faktor pengagihan dengan jelas berlaku di peringkat yang maksimum semasa kempen pilihanraya itu sendiri apabila berlakunya pengagihan sumber terutamanya dalam bentuk pembelian undi dan lain-lain bentuk pengagihan yang bersifat segera sebagaimana yang telah kita bincangkan. Akhirnya faktor penggunaan yang lebih hampir dengan peranan rakyat umum atau dalam konteks pilihan raya pengundi.

Persoalan ekonomi juga melibatkan persoalan bagaimana hubungan dijalinan di antara matlamat yang hendak dicapai dengan menggunakan sumber yang terhad yang mempunyai kegunaan yang pelbagai. Dalam hal ini pemerintah yang menentukan matlamat. Dalam kes Sarawak matlamatnya ialah politik pembangunan bagi tujuan mencapai perpaduan kaum. Kumpulan kaum yang tidak bersama dengan pemerintah, tidak

bersama dengan arus perdana, didapati terpinggir dalam arus pembangunan yang digerakkan oleh sistem kapitalisme yang menjamin kuasa pengumpulan terus berada di tangan elit politik. Yang dimaksudkan dengan sumber yang terhad sebenarnya adalah untuk golongan yang tersisih atau lebih tepat disisih dari arus pembangunan. Fenomena *politics of scarcity* ini boleh dilihat sebagai salah satu kaedah pemerintah bagi menjamin lahirnya suasana ketergantungan (*dependency*) dikalangan rakyat dan semasa pilihanraya pula di kalangan pengundi. Sifat ketergantungan ini akhirnya diharapkan dapat meminimumkan kepelbagaian kegunaan (*alternative uses*) atau dalam bahasa yang berbeza menyempitkan skop pilihan.¹² Di negara-negara membangun seperti Malaysia, ekonominya lebih bersifat *supply-determined* yang membawa maksud pemerintah yang mempunyai kuasa dominan bagi menentukan rupa bentuk ekonomi dan secara khusus, sebagaimana yang telah kita bincang, pengagihan. Ini sejajar dengan sifat pembangunan Malaysia yang dilihat sebagai lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan *top-down* atau *development from above*. Dari sudut partisipasi rakyat jelata, mungkin ekonomi yang berbentuk *supply-determined* tidaklah seburuk ekonomi yang bersifat *command* di mana kritikan rakyat terhadap dasar pembangunan negara tidak dibenarkan langsung. Sekurang-kurangnya di bawah sistem ekonomi yang bersifat *supply-determined* kritikan, terutamanya semasa pilihan raya, dibenarkan sungguh pun kesan dari kritikan tersebut agak terhad.

Secara bandingan, dalam negara maju seperti Amerika Syarikat sistem ekonominya lebih bersifat *demand-determined*. Ini bermakna dasar-dasar ekonomi negara yang digubal selalunya mengambil kira pandangan dan saranan dari bawah, pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGOs), individu dan kumpulan-kumpulan tertentu. Ini juga bererti masyarakat sivil berpartisipasi secara aktif dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi negara. Pengguna misalnya, mempunyai kedaulatannya yang tersendiri.¹³

Ekonomi-politik Pilihan raya: Faktor Bukan Ekonomi

Proses pilihan raya bukan sahaja boleh dikaitkan secara langsung dengan faktor ekonomi yang kita rujuk sebagai 'politik pembangunan'. Faktor-faktor bukan ekonomi juga penting yang mempengaruhi perjalanan dan seterusnya keputusan pilihan raya. Frey sendiri, sebagaimana yang kita telah rujuk sebelum ini, dalam model ekonomi politik yang beliau anggap sebagai sempurna atau total juga mengambil kira peri pentingnya faktor-faktor bukan-ekonomi. Antara faktor bukan ekonomi yang disenaraikan oleh Frey ialah ideologi dan institusi. Untuk faktor ideologi Frey

mengemukakan hujah bahawa kerajaan yang berkuasa akan hanya menggunakan pendekatan ideologikal sekiranya ia berkeyakinan untuk memenangi pilihan raya yang akan diadakan. Salah satu manifestasi faktor ideologi ialah sekiranya kerajaan dikontrol oleh kumpulan berhaluan kanan, kerajaan tersebut akan kurang bersedia untuk mempertingkatkan perbelanjaan awam dan begitulah sebaliknya apabila kerajaan didominasi oleh kumpulan berhaluan kiri. Faktor institusi merujuk kepada peranan perkhidmatan awam yang berkecuali sekaligus ia berfungsi sebagai hambatan kepada pergerakan kerajaan.

Satu-satunya parti yang bertanding dalam pilihan raya DUN Sarawak yang boleh dikategorikan sebagai ideologikal ialah PAS. Dasar PAS yang meletakkan Islam sebagai dasar perjuangannya bertentangan dengan dasar perjuangan BN yang tidak bersifat ideologikal, yang lebih digerakkan oleh pertimbangan pragmatisme. Sifat masyarakat Sarawak yang dilihat sebagai "*tolerant and accommodating*".¹⁴ tidak tertarik dengan pendekatan ideologikal PAS atas perkiraan "...Sarawakians have never been known to like politics of religious division, no matter how religious they are".¹⁵ Bagi BN pertimbangan pragmatisme merupakan maknisme antara etnik yang berkesan, yang boleh mengurangkan kemungkinan berlakunya konflik yang lahir dari persaingan antara dan intra-parti dalam BN sendiri.¹⁶

Faktor institusi seperti peranan perkhidmatan awam dalam pilihanraya adalah juga penting. Dalam konteks negara maju seperti yang dikaji oleh Frey, perkhidmatan awam sememangnya bersifat berkecuali. Di Malaysia secara umum dan di Sarawak secara khusus perkhidmatan awam biasanya dipolitikkan, lebih-lebih lagi kementerian yang mempunyai hubungan langsung dengan rakyat seperti Penerangan dan Pembangunan Masyarakat. Pegawai-pegawai yang berkaitan, dalam memperkenalkan dasar-dasar kerajaan, turut memainkan peranan secara cergas berkempen untuk BN.¹⁷

Penekanan kepada 'politik pembangunan' tidak bermakna faktor-faktor bukan ekonomi yang dikaitkan dengan faktor etnik, tidak memainkan peranannya yang tersendiri. BN dalam kempennya telah merujuk dan membangkit secara berkesan sentimen etnisiti. Isu yang dikemukakan disesuaikan dengan etnik-etnik tertentu.

Di kawasan-kawasan majoriti Melayu/Islam BN telah menggunakan sepenuhnya masjid dan surau sebagai pentas politik. Di sini BN menggunakan sentimen agama ke tahap maksima. Isu utama yang dikemukakan ialah selama ini umat Islam yang terdiri daripada 22% penduduk Sarawak berjaya memerintah negeri ini. Para pengundi Islam telah diberi amaran bahawa kuasa ini boleh terlepas ke tangan Dayak/

Cina jika calon-calon Melayu dalam PBB kalah. Alasan BN ialah jika kedudukan orang Melayu dalam PBB digugat dan menjadi lemah, PBB akan dikuasai oleh orang Dayak. Isu ini mempunyai pengaruh yang kuat khususnya ke atas pengundi 'atas pagar' dan sebahagian penyokong KeADILan yang akhirnya menyokong BN.¹⁸

Di kawasan majoriti Cina SUPP telah mengeksploitasi isu agama sepenuhnya. KeADILan dikaitkan dengan PAS dan jihad. Jihad pula digambarkan sebagai perancangan jahat yang ada kaitan dengan keganasan, pelampau agama, perpecahan kaum dan sebagainya. Peristiwa 11 September 2001 memberi semacam legitimasi kepada hujah-hujah ini menyebabkan KeADILan seolah-olah terperangkap dan terjerat. Atas pertimbangan bagaimana Peristiwa 11 September boleh memberi implikasi yang negatif terhadap Islam di kalangan masyarakat bukan Islam inilah yang mendorong DAP untuk memisahkan dirinya dari pakatan BA. Walau bagaimanapun, ia sudah agak terlambat.

Bagaimana isu agama Islam telah dieksploitasi dapat di lihat dengan apa yang berlaku di DUN N.34 (Repok). Di sini gambar Dr. Wan Azizah yang memakai tudung dijadikan isu. Isu yang dimainkan ialah sekiranya KeADILan menang kaum wanita Cina/Dayak akan dipaksa memakai tudung, manakala suami-suami mereka akan dibenarkan kahwin empat!!

Apa yang menarik ialah isu yang diketengahkan oleh BN di kawasan majoriti Dayak adalah mengambil kira pertimbangan atau faktor ekonomi dan juga faktor bukan ekonomi. Isu pembangunan diutarakan melalui projek-projek kilat di bawah MRP (*Minor Rural Project*). Parti pembangkang digambarkan sebagai tidak mampu memberi projek-projek di bawah MRP dan jika undi diberi kepada pembangkang, kaum Dayak tidak akan diberi projek-projek MRP. Isu tanah yang dikaitkan dengan NCR (*Native Customary Right*) juga diketengahkan oleh pembangkang. Pendekatan BN disini adalah bersifat *offensive* dimana BN menafikan tanah rakyat telah dirampas dan kalau ada pun tanah rakyat yang diambil, BN telah membayar wang pampasan yang mencukupi.¹⁹ Bagi masyarakat yang relatif mundur dari sudut pembangunan ekonomi dan minda, mereka juga terdedah kepada pembelian undi.²⁰ Masyarakat yang sama juga akan lebih sensitif sekiranya dimainkan isu yang boleh dilihat oleh mereka sebagai menggugat keutuhan budaya dan cara hidup mereka. Atas dasar ini, masyarakat Dayak telah diberi gambaran bahawa parti pembangkang seperti KeADILan sebagai pengganas, samseng, parti Islam/Melayu dan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sedang merengkok dalam penjara diperbesarkan bagi memberi imej yang buruk terhadap parti KeADILan, dalam ertikata KeADILan dikaitkan dengan seorang 'banduan' atau 'penjenayah'.²¹

Secara kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa proses pilihan raya DUN Sarawak secara umumnya masih berkisar disekitar 'politik pembangunan' tetapi ini tidak bermakna faktor-faktor bukan ekonomi seperti faktor etnisiti tidak relevan. Faktor ideologi dan institusi juga turut mempunyai sahamnya yang tersendiri. Kekuatan BN nampaknya, berdasarkan kekuatan material dan sumber manusia, ialah keupayaannya menempatkan isu-isu umum (baca 'politik pembangunan') dan khusus (seperti etnisiti) secara berkesan dan sekaligus meraih kejayaan.

Kesimpulan

Perubahan lanskap politik Malaysia dalam dekad 80-an dan 90-an didorong, sebahagiannya, oleh peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah memperlihatkan dua fenomena politik yang agak bertentangan: peningkatan kuasa eksekutif yang bergerak ke arah yang lebih bersifat autoritarian dan perubahan ke arah arus politik yang melebarkan asas pendemokrasian. Pelebaran daerah pandangan awam dan sekaligus partisipasi awam perlu diselami dan diukur oleh pemerintah yang berkuasa dan kayu ukur yang berkesan dalam hal ini ialah pilihan raya itu sendiri. Ini bermakna selagi Malaysia mampu mengadakan pilihan raya, selagi itulah kerajaan didorong untuk menjadi lebih responsif kepada tuntutan rakyat. Sifat dwiwajah (*Janus-faced*) kerajaan ini telah dikemukakan oleh ahli sains politik se awal tahun 1926 oleh penulis seperti Mac Iver. Mac Iver berpandangan bahawa pemerintah mempunyai dwi-fungsi: perkhidmatan (*ministerial*) dan pengawasan (*supervisory*). Dari perspektif ekonomi politik, dapatlah kita labelkan peranan perkhidmatan pemerintah adalah merujuk kepada peranan ekonominya dan peranan pengawasan adalah peranan politik. Dalam kes Sarawak, berdasarkan pilihan raya DUN yang ke lapan, memperlihatkan kepada kita kedua-dua fungsi tersebut adalah *mutually inclusive* dan sekaligus menjelaskan betapa dominannya 'politik pembangunan'. Berbalik kepada analogi yang kita kemukakan sebelum ini bahawa 'mentimun' (pembangkang) tidak mungkin memenangi pilihan raya apabila berdepan dengan 'durian' (kerajaan) perlu dilihat bukan dari sudut yang bersifat *oppositional* atau *confrontal* (yang secara logiknya pembangkang tidak mampu meraih kemenangan) tetapi mungkin perlu di lihat dari sudut yang bersifat *explanatory*. Dari perspektif ini, perlu ditonjolkan kebaikan-kebaikan 'mentimun' bagi kesihatan manusia secara umumnya.

NOTA AKHIR

* Kertas kerja yang telah diubahsuai selepas dibentangkan di *Borneo Research Council Seventh Biennial International Conference* pada 15-18 July 2002, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

¹ Pengkaji sendiri dapat merasakan hakikat ini. Pembangunan dengan pasarana yang baik dan moden hanya terdapat di sekitar bandar-bandar besar seperti Kuching.

² Encik Zaini Mohamad, Pegawai Penerangan, Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia Sarawak, amat yakin selagi adanya isu pembangunan selagi itulah BN mempunyai harapan yang cerah bagi memenangi sebarang pilihan raya yang diadakan. Temubual pada 6/10/01 di rumah beliau di Kuching. Lihat juga analisis yang dikemukakan oleh Zainal Epi mengenai keputusan pilihan raya dalam makalahnya 'A Vote for Development' dalam *The Sun* 29/9/01. Salah satu kesimpulan yang dikemukakan oleh beliau kenapa pengundi masih memilih BN ada berkaitan dengan persoalan pembangunan. Dalam hal ini beliau berpandangan: 'Sarawkians still need physical development, thus rejecting ideological political games is the most practical way...'.³

³ Seorang responden di DUN Tupong (N.5) yang mengidentifikasi dirinya sebagai penyokong parti KeADILan misalnya, secara sinis melabel Cahaya Mata Sarawak (CMS) sebagai 'Chief Minister Syarikat'. Temubual pada 16/9/0. Cuma Dato' Bujang Ulis calon KeADILan bagi DUN Simunjan mempunyai kekuatan mengkritik dengan dokumen yang kukuh. Atas dasar kekuatan peribadi dan populariti, beliau dijangka oleh penyokong BN sendiri mampu memenangi kerusi yang dipertandingkan. Pada pandangan pengkaji, sepatutnya beliau dilantik sebagai Pengarah pilihan raya bagi parti KeADILan kerana beliau adalah anak tempatan yang lebih memahami selok belok politik tempatan.

⁴ Misalnya, Kris Jitab dan James Ritchie (1991, 134) mendedahkan bahawa pengganguran di Sarawak agak serius khususnya di kalangan golongan belia. Contohnya, mereka yang dari kumpulan umur 15-40 tahun peratusan pengganguran adalah disekitar 58%.

⁵ Dalam teori sains politik, pendekatan ini dikenali juga sebagai *carrot and stick approach*.

⁶ Parti KeADILan dalam post-mortemnya mendakwa RSS mendapat peruntukan sebanyak RM800,000.00.

⁷ Kumpulan penyelidik dari UKM mendapati harga undi berbeza dari satu tempat berbanding dengan tempat yang lain. Di Samariang undi dibeli dengan harga RM10, di Kampung Serpan dalam DUN Asajaya harganya ialah RM30, di Bandar Kuching ia meningkat kepada RM200 (undi Cina) dan di kawasan rumah panjang Iban bernilai RM100. Post-mortem parti KeADILan mendakwa BN sanggup membeli undi dengan harga antara RM20 hingga RM150 bagi setiap undi.

⁸ Parti KeADILan 'Post Mortem Pilihanraya DUN Sarawak 2001', Perkara 1.1. Perbezaan kekayaan BN dan kemiskinan KeADILan dapat dilihat dan diukur dari saiz Bilik Gerakan masing-masing. Parti KeADILan cuma menyewa tingkat atas kedai makan dua tingkat yang terletak Jalan Satok, Kuching. Bilik Gerakan BN adalah di ibu pejabat PBB yang kehebatannya bersamaan dengan hotel empat bintang. Ia mempunyai *landing pad* helikopternya yang tersendiri.

⁹ Post Mortem KeADILan (3.1) dengan jelas merujuk kepada kekangan kewangan yang menyebabkan mereka hanya bertanding di 25 DUN. Kelemahan kewangan juga dikenal pasti sebagai faktor penghalang dalam usaha menarik lebih ramai calon-calon yang berkualiti di kalangan kakitangan kerajaan atau swasta kerana calon-calon kategori ini biasanya meminta jaminan 'masa depan' sebelum sanggup menerima pelawaan menjadi calon dan jaminan 'masa depan' hanya ada pada BN.

¹⁰ Bandingkan, Kris Jitab dan James Ritchie (1991, 137): "Any attempt at integrating Malaysians in Sarawak with those in the Peninsular would take a long time before satisfactory results could be seen. One, there is the physical barrier between the two – some 800 kilometers of the South China Sea separating them. Two, the two land masses underwent historical events that transpired over centuries and which differed totally. Three, while both the Peninsula and Sarawak had come under British rule, the way the Colonial administration governed the Peninsula also differed from that the same administration used to manage Sarawak. What all this basically means is that the Sarawakians and their fellow countrymen across the South China Sea have different habits, attitudes and perception of things."

¹¹ Bandingkan Zainal Epi, 'A Vote for Development' dalam *The Sun* 29/9/01, yang berpandangan "A local analyst said Abang Abu Bakar's defeat sent a clear sign to UMNO – leave Sarawak alone."

¹² Bagi Dr. Wan Ali, Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), keadaan ketergantungan diwujudkan melalui apa yang beliau sebut sebagai *bullying tactics*. Analogi yang beliau contohkan ialah apa yang berlaku kepada murid-murid sekolah rendah. Biasanya ada sekumpulan pelajar yang lebih besar dan jahat yang akan menggunakan *bullying tactics* ini. Di masa-masa tertentu (dalam konteks perbincangan kita semasa pilihan raya) kumpulan pelajar yang besar dan jahat ini akan memberi gula kepada pelajar yang kena *bully* dan keadah ini akan menyebabkan pelajar-pelajar yang kena *bully* akan *doubly grateful* kepada pembuli. Temubual 29/10/01.

¹³ Kekuatan kuasa pengguna di negara maju seperti Amerika Syarikat dapat dilihat dari timbulnya gerakan kepenggunaan yang dipimpin oleh Ralph Nader. Ralph Nader pernah bertanding untuk jawatan Presiden Amerika Syarikat.

¹⁴ Label ini digunakan oleh Zainal Epi dalam tulisan beliau "A Vote for Development" dalam *The Sun* 29/9/01.

¹⁵ Zainal Epi "A Vote for Development" *The Sun* 29/9/01. Walau bagaimana pun, prestasi PAS tidaklah seteruk yang digambarkan. PAS bertanding cuma di tiga DUN untuk melihat selera orang Sarawak, dan hanya satu DUN sahaja yang PAS kehilangan wang pertaruhan. PAS melangkah masuk ke Sarawak

hanya pada tahun 1996 dan buat masa ini ahli PAS di Sarawak hanya di sekitar 1000 orang dengan hanya tiga kawasan. Di antara tiga kawasan ini, hanya satu kawasan sahaja yang baru diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan ia itu Kawasan Petrajaya. Temubual dengan Sdr. Jaffar Sadiq, Ketua Penerangan PAS Sarawak, 28/10/01.

¹⁶ Parti yang berteraskan agama dilihat mempunyai potensi untuk berkonflik, diluahkan oleh salah seorang pengundi Sarawak apabila ditanya tentang peranan PAS dalam pilihan raya. Beliau menyamakan PAS sebagai “Pecah Anak Sarawak”. Perjuangan BN Negeri Sarawak sendiri tidak luput dari konflik, dan konflik yang paling serius ialah antara Rahman Yaakob dan Taib Mahmud yang juga dikenali sebagai ‘Insiden Ming Court’.

¹⁷ Parti KeADILan dalam post mortem pilihan rayanya melaporkan bahawa mereka terpaksa berhadapan dengan hampir seluruh jentera/jabatan kerajaan Pusat dan Negeri. Di antara jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung yang disenaraikan oleh KeADILan ialah Jabatan Penerangan, Unit Khas, Jabatan Perdana Menteri, KEMAS dan RELA(Laporan Postmortem, 4.1). Bagi orang seperti Dato’ Bujang Ulis, konsep *caretaker government* yang sepatutnya berkecuali semasa pilihanraya tidak dipraktikkan dalam kes pilihan raya di Malaysia. Temubual, 30/10/01.

¹⁸ KeADILan, Postmortem, 5.1. Pandangan yang sama dikongsi oleh Dr. Mornie, Pengarah Bilik Gerakan BN. Bagi beliau kehadiran KeADILan dan PAS menggugat ketuanan Melayu/Islam dalam politik Sarawak. Beliau juga menyifatkan kehadiran dua buah parti ini dalam pilihan raya negeri sebagai semata-mata ‘kacau daun’. Temubual, 16/9/01.

¹⁹ Semasa lawatan penulis ke kampung Serpan dalam DUN Asajaya pada 6hb.Oktober 2001, terdapat tanah-tanah yang dahulunya ditanam dengan kelapa telah dijadikan kolam-kolam ikan komersial milik pengusaha-pengusaha Cina. Kami menganggarkan keluasan tanah yang terlibat adalah sekitar 100 ekar. Terdapat banyak persamaan dengan apa yang berlaku di Kerpan, Kedah.

²⁰ KeADILan menganggarkan undi masyarakat Dayak dibeli dengan harga antara RM20 hingga RM150 bagi setiap undi.(Postmortem, 7.4).

²¹ Dato’ Bujang Ulis dalam salah satu temubual mengakui bahawa isu Anwar Ibrahim ‘lebam mata’ tidak lagi mempunyai tarikan dalam pilihan raya ini.